



**MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KESEMBILAN BELAS  
MAJLIS MESYUARAT NEGARA**  
(JURNAL HARIAN)

**PADA HARI SELASA, 28HB SYA'ABAN 1444 / 21HB MAC 2023  
(HARI KEEMPAT BELAS)**

**1. DO'A SELAMAT**

**2. MESYUARAT DI PERINGKAT JAWATANKUASA**

**2.1. KENYATAAN TAMBAHAN DARIPADA YANG BERHORMAT AHLI RASMI KERANA JAWATAN**

2.1.1. Yang Berhormat Menteri Pembangunan dan Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan telah menyampaikan kenyataan bagi menjawab persoalan-persoalan yang dibangkitkan sebelumnya oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik.

**2.2. KEMENTERIAN KESIHATAN**

2.2.1. Yang Berhormat Menteri Kesihatan telah menyampaikan mukadimahnya mengenai anggaran perbelanjaan dan hala tuju Kementerian Kesihatan dan Jabatan-Jabatan di bawahnya.

2.2.2. Jawatankuasa telah menimbangkan tajuk di bawah Kementerian Kesihatan iaitu Tajuk SM01A.

2.2.3. Beberapa orang Ahli-Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik telah menyampaikan pendapat dan pandangan mereka dan seterusnya direspon oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan, iaitu:

i. Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir

- Memohon agar perkhidmatan klinik berkhatan tetap disediakan di Hospital Pengiran Isteri Hajjah Mariam, Daerah Temburong;

ii. Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin

- Mencadangkan bagi mempertingkatkan jumlah dan kemahiran *home-based nurses* dengan diberikan latihan dan pengetahuan dalam bidang *physiotherapy*, di samping mengendalikan program dan kursus kepada ahli keluarga yang bakal menjadi *family care*;
- Mencadangkan untuk melibatkan belia-belia dalam perancangan aktiviti di pusat kegiatan warga emas, di samping menubuhkan kumpulan sukarelawan menjadi penjaga terutamanya bagi warga emas yang tidak mempunyai keluarga;
- Mencadangkan untuk mengawal dan *regulate* harga-harga yang mampu miliki bagi peralatan-peralatan kesihatan agar dapat diakses dan dimiliki oleh orang-orang yang memerlukan;
- Mencadangkan agar pihak kementerian mengubah nama-nama klinik perkhidmatan seperti *psychiatric* kepada yang lebih positif dan proaktif untuk menghapuskan *stigma* dan mempromosikan kesedaran serta dukungan bagi kesejahteraan mental;
- Mencadangkan untuk mengadakan *peers support group* bermula di sekolah-sekolah menengah dan di institusi-institusi pengajian tinggi.

iii. Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim

- Menyoalkan sekiranya sistem maklumat kesihatan yang akan dilaksanakan adalah sistem baru atau sebaliknya, dan apa yang akan terjadi kepada sistem yang lama; mengharapkan sistem tersebut akan memuatkan aspek *change management* dalam mengurus dan menggunakan sistem tersebut;
- Mengharapkan agar pelaksanaan penaiktarafan dan pembaikan kemudahan-kemudahan kesihatan untuk dilaksanakan secepat mungkin bagi menangani sungutan orang ramai dengan sempurna;
- Berpendapat bahawa pengkajian yang menyeluruh perlu diadakan bagi menurunkan perbelanjaan pembelian ubat-ubatan ini secara keseluruhannya, termasuk dalam

- kempen-kempen kesedaran, *direct outsourcing*, mengukuhkan *inventory system* ubat dan penerangan telus mengenai perbelanjaan pembelian ubat-ubatan kepada orang awam;
- Memohon pencerahan sama ada sudah dibuat kajian bagi meneliti kadar-kadar yang lebih kompetitif dikenakan oleh pihak *JPMC* kepada pesakit-pesakit yang dirujuk ke pusat perubatan tersebut; sebagai langkah untuk menjimatkan perbelanjaan kerajaan supaya lebih *affordable* dan *sustainable*;
  - Menyoalkan apakah langkah-langkah ke hadapan *JPMC* untuk menarik lebih ramai pesakit-pesakit luar negara ini bagi mengurangkan kos pemberian perkhidmatan secara menyeluruh.

iv. Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan

- Ingin mengetahui sebab perkhidmatan bersalin ditiadakan lagi di Hospital Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah Tutong, dan jika terdapat rancangan jangka pendek untuk memulakan perkhidmatan tersebut;
- Mohon pencerahan tentang status Ahli-Ahli Lembaga Pelawat di hospital-hospital di Negara Brunei Darussalam.

---

**[MAJLIS MESYUARAT NEGARA DITANGGUHKAN BAGI SESI PAGI DAN MAJLIS MESYUARAT DISAMBUNG SEMULA PADA JAM 2.30 PETANG]**

---

**2.3. KEMENTERIAN KEBUDAYAAN BELIA DAN SUKAN**

- 2.3.1. Setelah Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyampaikan mukadimah pada hari kelmarin, Jawatankuasa telah menyambung untuk menimbangkan tajuk-tajuk di bawah Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan iaitu Tajuk SL01A hingga Tajuk SL06A.
- 2.3.2. Beberapa orang Ahli-Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik telah menyampaikan pendapat dan pandangan mereka dan seterusnya direspon oleh Yang Berhormat Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan, iaitu:

- i. Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan
  - Ingin mengetahui sekiranya pihak kementerian mempunyai perancangan bagi mewujudkan Akademi Seni Negara;
  - Ingin mengetahui usaha pihak kementerian dalam menangani isu kelambatan dalam penyerahan bantuan bagi memastikan Sistem Kebajikan Negara (SKN) sentiasa relevan dan efisien;
  - Mencadangkan agar dipohonkan khidmat para sukarelawan yang berkemahiran agar dapat ditempatkan di sekolah-sekolah bagi membantu ibubapa dan pihak sekolah di dalam urusan permohonan melalui SKN;
  - Mencadangkan agar diwujudkan Ikon Belia yang dipilih dari kalangan masyarakat yang mempunyai pengaruh, berkemahiran dan kreatif bagi mewakili setiap daerah;
  - Ingin mengetahui perancangan pihak kementerian melalui Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei Darussalam di dalam memperkasakan penggunaan Bahasa Melayu di peringkat nasional.
- ii. Yang Berhormat Awang Lau How Teck
  - Memohon pencerahan tentang perancangan dan strategi dalam memperuntukkan bantuan bencana alam berdasarkan kepada kerugian yang ditanggung oleh mangsa kebakaran;
  - Mencadangkan agar pihak kementerian menggalakkan pemilik-pemilik rumah untuk mempunyai *fire insurance cover*.
- iii. Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin
  - Mencadangkan pihak Kementerian melalui JAPEM serta agensi-agensi yang berkenaan untuk turun padang bagi bekerjasama dan mendukung misi-misi kumpulan-kumpulan yang berinfak memberikan bantuan kepada golongan yang memerlukan;
  - Mencadangkan agar pihak kementerian bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama yang mempunyai padang-padang bola yang kurang terurus, untuk diuruskan dan dimajukan

secara komersial oleh kelab-kelab bola sepak tempatan di samping menjadi *training ground* kelab berkenaan;

- Mencadangkan agar proses memfailkan nafkah bagi ibu tunggal dapat dipermudahkan, dibuat pemantauan pembayaran nafkah serta diberi keutamaan untuk mendapatkan kemudahan perumahan termasuk Rancangan Perumahan Negara;
- Ingin mengetahui dasar dan strategi kementerian terhadap hala tuju dan sasaran *non-contact sports*.

iv. Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim

- Menyoalkan mengapa peratus lepasan pelatih Pusat Pembangunan Belia (PPB) berkecimpung dalam perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana hanya disasarkan pada 15% dari tahun 2023 hingga 2026, adakah sudah dibuat penelitian punca yang sebenar dan adakah pihak kementerian memantau lepasan-lepasan PPB meneruskan perusahaan mereka atau sebaliknya;
- Mengharapkan sasaran 61% lepasan PPB yang mendapat pekerjaan akan dapat ditingkatkan lagi atau sekurang-kurangnya dipertahankan pada tahun-tahun akan datang;
- Memohonkan pencerahan sekiranya penuntut-penuntut PPB juga menjalani kursus bagi menambah kemahiran mereka, dengan memasukan subjek-subjek yang berkaitan dengan pengurusan kewangan, pengurusan teknikal dan pemasaran yang menjadi kelebihan pada mereka;
- Memohonkan pencerahan sekiranya ada rancangan bagi menyatukan semua pengagihan bantuan kepada golongan yang memerlukan bantuan agar pengagihannya lebih bersepada, teratur dan berkesan; mengharapkan agar ianya dapat ditangani secara menyeluruh dan bersepada;
- Menyoalkan berapa jumlah penerima-penerima adalah *able bodied*, adakah trend keramaian penerima bantuan bertambah atau sebaliknya, dan apakah usaha-usaha bagi meningkatkan peratus penerima-penerima bantuan

- mendapatkan pekerjaan dan keluar dari program bantuan kebajikan;
- Menyoalkan apakah aspek-aspek kemahiran yang telah dibekalkan kepada penerima bantuan bagi membolehkan mereka berdikari dan menyara hidup tanpa bantuan orang lain;
  - Menyoalkan adakah cadangan untuk memperluaskan inisiatif pendidikan digital kepada warga emas bukan saja di pusat-pusat warga emas malahan di tempat-tempat khas misalannya kelas-kelas khusus secara menyeluruh;
  - Mencadangkan untuk diteliti *viability* bagi memperluaskan inisiatif pendidikan digital kepada warga emas dan untuk dibincangkan bersama kementerian lain dan agensi berkepentingan sebagai aktiviti memperkasa kapasiti warga emas khususnya golongan warga emas yang melibatkan diri dalam bidang perniagaan.

v. Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin

- Menyarankan agar pihak kementerian menjemput pihak Skim Persaraan Kebangsaan (SPK) untuk memberi taklimat kepada penerima-penerima bantuan untuk mengetahui lebih lanjut akan kelebihan SPK;
- Menyatakan bahawa pengesahan perlu dibuat dengan menggandakan lawatan susulan ke tempatan kediaman penerima-penerima bantuan untuk dinilai dan dikenal pasti pelan-pelan tindakan yang bersesuaian bagi membantu mereka keluar dari kemiskinan;
- Mencadangkan penubuhan satu jawatankuasa atau badan penilai yang dianggotai oleh wakil-wakil dari agensi yang berkepentingan iaitu Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Kementerian Pendidikan, Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah yang bertanggungjawab bagi menapis permintaan baharu, menilai jenis bantuan, peruntukan kategori bantuan dan syarat-syarat bantuan;
- Memohon pencerahan tentang alternatif atau perkembangan terbaru Pusat Sejarah Brunei dalam mempromosikan sejarah Brunei kepada orang awam

- ataupun para pelancong; serta sejauh mana keberkesanan aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh Pusat Sejarah Brunei;
- Ingin mengetahui inisiatif pihak kementerian dalam mendigitalkan sumber-sumber sejarah agar ianya dapat diakses dengan mudah oleh orang awam secara fizikal ataupun secara *online*.
- vi. Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Mohd Yusuf
- Ingin pencerahan sejauh manakah program-program kemahiran yang disediakan untuk golongan Orang Kelainan Upaya (OKU) untuk menepati pasaran pekerjaan dan piawaian yang berdasarkan *market demand* dan jika terdapat analisis mengenai impak program yang disediakan bagi OKU dan kejayaan mereka dalam kerjaya;
  - Menyoalkan apakah usaha antara agensi-agensi berkenaan untuk memastikan lebih banyak peluang dan pilihan pekerjaan yang lebih *marketable* adalah inklusif bagi golongan OKU, agar mengatasi *mismatch* antara kehendak majikan dan kemahiran serta minat OKU;
  - Mencadangkan untuk dipertimbangkan bagi menuahkan sebuah akademi atau pusat latihan di peringkat kebangsaan yang dikhususkan untuk OKU mengikut *condition*, *capability* atau *talent* masing-masing dengan berdasarkan kepada kurikulum pendidikan yang sistematik, demi memfokuskan kepada perkembangan seseorang itu dari awal sehingga mampu mendapatkan lebih banyak peluang pekerjaan dan *marketable*;
  - Ingin tahu usaha kementerian dan agensi-agensi tertentu bagi memastikan pendedahan awal yang berunsurkan ajaran agama Islam, nilai norma, budaya dan sejarah orang Brunei dan lain-lain diterapkan di peringkat awal lagi khususnya di Pusat-Pusat Penjagaan Kanak-Kanak;

- Ingin tahu jika pihak kementerian dan Kementerian Hal Ehwal Ugama terdapat data keramaian terkini yang telah ditakrifkan dalam golongan kemiskinan;
- Ingin mengetahui jika pihak Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama mempunyai perancangan strategik untuk menyemak semula atau merangka takrif baharu kemiskinan;
- Menyoalkan jika pihak Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama ada membuat kajian terperinci agar mereka yang menerima bantuan akan menjadi lebih berdikari dan tidak terlalu bergantung kepada kerajaan;
- Ingin mengetahui peranan dan strategi utama pihak kementerian bagi meningkatkan lagi *outreach programme* yang menjadi isu dan masalah sosial.

---

**[MAJLIS MESUARAT NEGARA DITANGGUHKAN DAN AKAN DISAMBUNG SEMULA PADA HARI RABU, 22HB MAC 2023 JAM 9:30 PAGI]**

---